

# UTHM, UTM anjur

## program minat

S/Harian  
23/10/2014  
m/s : 41.

## Matematik Tambahan

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menganjurkan satu program untuk menarik minat pelajar dalam mata pelajaran Matematik Tambahan.

Dewasa ini, semakin ramai pelajar yang kurang meminati mata pelajaran berkenaan kerana menganggap ia terlalu sukar dan akan mengalami kegagalan jika mengambil subjek itu, baik di peringkat sekolah maupun universiti.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UTHM, Profesor Dr Hashim Saim berkata, ramai pelajar mengambil langkah selamat dengan memilih aliran Sastera untuk mengelak mengambil mata pelajaran Matematik Tambahan.

Katanya, sepatutnya perkara berkenaan tidak perlu berlaku kerana dengan mengambil aliran Sains dan menjadi matapelajaran Matematik Tambahan sebagai subjek kegemaran, ia adalah lebih baik.

"Sebab itulah pihak UTHM dan UTM melalui Kumpulan Pemantapan Pengajian dan Pembelajaran Matematik (K3PM) menganjurkan program ini untuk menarik minat pelajar.

"Program yang kali pertama dilaksanakan ini dikenali Program Jalinan Komuniti Darul Ta'zim UTHM dan UTM 'Score Add Maths," katanya selepas penutupan program berkenaan, kelmarin.

Sementara itu, Pengurus K3PM UTM, Profesor Dr Zainal Abd Aziz berkata, ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat pelajar.

Katanya, sebelum melihat anak mereka minat kepada Matematik, termasuk Matematik Tambahan, ibu bapa perlu meminati terlebih dahulu dengan mengetahui serba sedikit berkaitan mata pelajaran berkenaan.

"Bukan pihak sekolah sahaja yang memainkan peranan penting dalam meminati subjek Matematik dan Matematik tambahan ini, sebaliknya ibu bapa dan pelbagai pihak perlu turut serta memainkan peranan yang sama agar matlamat kewujudan subjek ini dapat dicapai," katanya.